



## **MSM KEMBALI CATAT PRESTASI BAIK BAGI S1 TK2021, KEUNTUNGAN BERSIH MELONJAK 190%**

**KUALA LUMPUR, MEI 25, 2021** – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) merekodkan keuntungan dalam prestasi dengan Keuntungan Sebelum Cukai (PBT) sebanyak RM 43.07 juta bagi suku pertama berakhir 31 Mac 2021, berbanding Kerugian Sebelum Cukai (LBT) sebanyak RM 27.25 juta pada tempoh yang sama bagi TK2020. Di samping itu, MSM turut mencatatkan keuntungan bersih (PAT) sebanyak RM 31.19 juta pada S1 2021, peningkatan sebanyak 190% berbanding kerugian bersih (LAT) sebanyak RM 34.70 juta pada S1 2020. Pengukuh margin, pertukaran matawang asing serta kos kewangan yang lebih rendah telah menyumbang kepada jumlah keuntungan yang telah direkodkan tersebut.

Secara positif, MSM berjaya mengekalkan momentum pendapatan yang progresif sejak S4 2020 setelah mencatatkan kerugian selama lapan suku berturut sebelum itu. Keseluruhannya, jumlah pendapatan bagi suku yang ditinjau telah meningkat 0.8% kepada RM 514.93 juta berbanding RM 510.84 juta pada S1 2020 susulan peningkatan premium bagi segmen Industri dan Eksport.

Sementara itu, margin keuntungan kasar Kumpulan turut melonjak kepada 13% bagi S1 2021 berbanding S1 2020 sejajar dengan penambahbaikan dalam hasil dan kadar penggunaan kapasiti (UF) di MSM Johor. Dalam aspek operasi, MSM Johor berterusan merekodkan kemajuan yang progresif berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas, dengan hasil meningkat daripada 89% kepada 92%, serta UF menambahbaik daripada 16% kepada 22%. Selain itu, kos penapisan syarikat turut berkurang sebanyak 13% pada S1 2021 berbanding suku yang sama tahun lepas berikutan penurunan dalam tarif gas. Justeru, Kumpulan akan menggandakan fokus ke arah memperkuatkkan kecekapan dengan pengeluaran hasil yang lebih tinggi serta mencapai penggunaan kapasiti yang lebih baik dalam mengurangkan lagi kos pengeluaran.

Sorotan prestasi jualan, pendapatan bagi pengeksportan gula bertapis turut bertambah selaras dengan peningkatan dalam jumlah jualan hampir lima kali ganda. Walaubagaimanapun, jumlah jualan bagi segmen Domestik menurun sebanyak 21% bagi suku ini berikutan permintaan yang berkurang khususnya daam segmen Pemborong akibat daripada perintah kawalan pergerakan pada pertengahan Januari yang lalu.



Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad berkata, "Permulaan tahun ini sangat mencabar susulan gelombang ketiga wabak Covid-19 yang berterusan menjaskas lanskap pasaran dan perniagaan. Walaubagaimanapun, MSM kekal konsisten dalam memenuhi permintaan domestik di samping memberikan fokus dalam meluaskan kehadiran serantau sebagai pusat penapisan gula bersepada melalui pengeksportan gula bertapis, pemelbaigan produk bernilai tambah dan hiliran. Berasaskan kedudukan yang kompetitif, MSM mensasarkan untuk menceburi peluang perniagaan yang lebih dinamik dengan memanfaatkan kerjasama strategik bersama peneraju-peneraju industri yang bereputasi tinggi. Kami menjangkakan segmen eksport untuk lebih berkembang pada tahun ini berdasarkan ramalan pasaran global yang semakin pulih di mana ia akan menggalakkan lagi pertumbuhan operasi dan perniagaan khususnya di MSM Johor."

Baru-baru ini, MSM telah memeterai "binding term sheet" bagi pelupusan dan pemilikan 100 peratus pegangan anak syarikat milik penuh MSM iaitu, MSM Perlis Sdn Bhd (MSM Perlis) sebagai sebahagian daripada strategi Kumpulan dalam memperkasakan keupayaan operasi dan melaraskan keuntungan melalui pelupusan aset-aset bukan teras.

Bagi S1 2021, pendapatan sesaham (EPS) mengukuh kepada 4.43 sen berbanding kerugian sesaham (LPS) sebanyak 4.94 sen pada suku sama yang ditinjau tahun lepas. Melangkah ke hadapan, MSM komited dalam memperkuuhkan usaha ke arah pemulihan dalam memberikan pulangan yang kukuh dan konsisten di samping menghasilkan nilai yang terbaik buat para pemegang saham serta memperkasakan kedudukan pasaran domestik dan memanfaatkan peluang-peluang yang ada dalam segmen eksport.

**-TAMAT-**



### **Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)**

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah pengeluar gula bertapis terkemuka di Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan syarikat logistik - MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2020, MSM mengeluarkan sebanyak 1,010,215 tan gula bertapis, di mana 270,628 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai 60% majoriti syer pasaran domestik. Ditubuhkan pada 10 Mac 2011, MSM disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dengan modal pasaran sebanyak RM 401 milion setakat 31 Disember 2020. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehingga ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya.

MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan pengedarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.msmsugar.com](http://www.msmsugar.com)

### **Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan**

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

### **Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

#### **Siti Noorbaya Mohd Yunus**

+603 2181 5018 ext. 137

+6016 677 6118

[noorbaya.my@msmsugar.com](mailto:noorbaya.my@msmsugar.com)

#### **Ahmad Izwan Osman**

+603 2181 5018 ext. 154

+6017 440 1027

[ahmadizwan.o@msmsugar.com](mailto:ahmadizwan.o@msmsugar.com)